

Laporan Tahunan 2014

Annual Report

اَوْنُو رَسِيَّتِي بَاتِي كُنُو لُو كِي مَبَارَا



Gambar-gambar sekitar AKNC 2014



5.4 *Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM 2014*

Majlis Kemuncak Bulan Inovasi Universiti Teknologi MARA 2014 telah berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam, pada 5 Disember 2014. Majlis yang bertemakan "Islam Peneraju Inovasi dan Transformasi 2014" ini dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM, Yang Berusaha Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Hj Sahol Hamid Abu Bakar, FASc.

Objektif Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM ialah untuk meraikan kakitangan UiTM yang telah menyumbang ke arah perkhidmatan cemerlang serta untuk menghargai jasa semua pihak yang telah membudayakan kualiti dan inovasi di UiTM. Di majlis ini, pemenang bagi Anugerah Kolej Cemerlang 2014 and Anugerah Pejabat Berintegriti telah diumumkan. Anugerah Kolej Cemerlang 2014 dimenangi oleh Kolej Kediaman Delima manakala pemenang bagi Anugerah Pejabat Berintegriti UiTM 2014 ialah Pejabat Pendaftar UiTM. Kedua-dua pemenang telah menerima sebuah piala dan sijil penghargaan. Acara kemuncak majlis ialah penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2013 kepada 709 staf akademik dan pentadbiran dari UiTM Shah Alam.

Pemenang-pemenang AKNC juga diumumkan pada majlis ini. UiTM Perak telah berjaya menjadi Juara Keseluruhan bagi Anugerah Kualiti Naib Canselor 2014 dan Johan Kampus Negeri serta juara bagi tiga (3) kategori lain iaitu Tumpuan Kepada Proses, Hasil Pencapaian dan Inovasi. Hadiah merupakan cek bernilai RM 25,000.00, sebuah piala dan

sijil penghargaan (rujuk Perkara 5.1).

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah memenangi kategori Johan Fakulti dan Perpustakaan Tun Abdul Razak telah memenangi kategori Johan Bahagian/Unit/Pusat. Kedua-duanya telah menerima cek bernilai RM 5,000.00, sebuah piala serta sijil penghargaan.

Di penghujung majlis ini, Penolong Naib Canselor (PNC) InQKA, Yang Berusaha Professor Dr Hj Hazman Shah Abdullah, telah mengetuai bacaan ikrar kualiti oleh semua hadirin dan juga telah mengumumkan penganjur Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM bagi tahun 2015 iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Majlis gilang gemilang ini telah berjaya dianjurkan dengan penuh harmoni dan lancar oleh penganjur tahun 2014 iaitu Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Naib canselor UiTm telah merasa amat berpuas hati dengan kelancaran dan suasana majlis yang dianjurkan oleh ACIS ini. Tahniah diucapkan kepada ACIS kerana telah menganjurkan sebuah majlis yang penuh meriah dan islamik.

Gambar-gambar Sekitar Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM





Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA
Aras 2, Blok 11,
INTEKMA Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor